



Rujukan Kami : Swazmix/2024/P-03/KUTT-01
Rujukan Tuan :
Tarikh : 7 Januari 2024

KORIDOR UTILITI TEKNOLOGI TERENGGANU SDN BHD

Tingkat 1 & 2, Blok PT 4049,
Jalan Sultan Zainal Abidin,
20300 Kuala Terengganu,
TERENGGANU DARUL IMAN.

(U/P: Ketua Pegawai Operasi)

Tuan,

**CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN INFRASTRUKTUR ASAS SERTA
KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT
LABOHAN, KEMAMAN, TERENGGANU DARUL IMAN.**

- Permohonan Peralihan Paip Air Sedia ada.

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat permohonan peralihan paip air sedia ada bagi projek pembangunan ini. Untuk makluman pihak tuan, peralihan paip air sedia ada ini adalah disebabkan keperluan pihak Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) supaya membuat peralihan paip yang sekarang ini berada dibawah bahu jalan Kuantan – Kuala Terengganu (jalan bernombor 3) oleh kerana terdapat tambahan lorong nyahpecutan dan lorong pecutan bagi projek ini bagi memenuhi keperluan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Keperluan pihak SATU juga adalah perlu untuk membuat sambungan paip ke seberang jalan Kuantan- Kuala Terengganu (jalan bernombor 3) ke projek pembangunan infrastruktur asas ini.

Paip air sedia ada perlu dialihkan ke bahu jalan di dalam rizab jalan persekutuan kerana pelebaran jalan keluar masuk tersebut sepertimana yang telah diluluskan oleh pihak JKR Terengganu (Bahagian Jalan). Keperluan *jacking-pipe* ini adalah disebabkan permintaan air yang tinggi oleh projek pembangunan infrastruktur asas ini kerana keluasan projek ini adalah 7.63 hektar dan bagi memenuhi keperluan SATU untuk membuat sambungan paip ke paip bersaiz 600mm diameter di seberang jalan Kuantan- Kuala Terengganu. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen berikut untuk rujukan pihak tuan iaitu:

- 1) Borang Kelulusan Izin Lalu (BKIL)
- 2) Lukisan Tapak (Pelan Skematik)
- 3) Peta Penandaan Lokasi
- 4) Gambar Lokasi
- 5) Utility Mapping
- 6) Laporan Retikulasi Air
- 7) Surat Dan Pelan Kelulusan Jalan Keluar Masuk Dari Pihak JKR Terengganu (Bahagian Jalan)

Oleh itu, pihak kami berharap pihak tuan dapat memberi maklum balas dan kelulusan terhadap permohonan ini. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan tentang perkara ini. Pihak tuan boleh berhubung terus dengan pegawai kami iaitu Mohamad Hafizuddin Bin Mustaffa di talian 014-5496196 atau email kepada Swazmixconsultant@yahoo.com untuk keterangan lanjut.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,

Swazmix Consultant,



(Ir. Nik Mat Bin Udin)

Director

s.k -Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)